

EVOLUSI MORFOFONEMIK BAHASA MELAYU DARI ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-20

(The Evolution of Malay Morphophonemics from the 16th to the 20th Century)

Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin
syed@usm.edu.my

Annapurani A/P Ponnambalam Dass

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini mengkaji dan menganalisis perkataan yang mengalami proses morfonemik akibat penerimaan imbuhan awalan *meN-* dan apitan *meN... kan* daripada tujuh belas teks terpilih dari abad ke-16 hingga abad ke-20. Penulisan ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah benarnya kenyataan Asmah bahawa bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 sedang mengalami perubahan dalam morfonemiknya. Analisis dalam kajian ini menggunakan teori fonologi generatif dan pendekatan atur rumus. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu memang mengalami perubahan dalam morfonemiknya pada abad ke-16 dan ke-17. Dapatan kajian ini menunjukkan perkataan yang menggugurkan atau mengekalkan fonem awal apabila bertembung dengan imbuhan *meN-* dijumpai dalam teks terpilih dari abad ke-16 hingga abad ke-20, dan semakin berkurangan mengikut perubahan abad serta tidak ditemui fenomena tersebut dalam bahasa Melayu standard sekarang ini. Dapatan ini mengukuhkan kenyataan Asmah.

Kata kunci: proses morfonemik, perubahan bahasa Melayu, teori fonologi generatif, pendekatan atur rumus

Abstract

This study aims to investigate and analyse the process of morphophonemics as a result of adding affixes meN- and meN... kan to words found in seventeen selected texts from the 16th century to the 20th century. It also aims to determine the extent to which Asmah's argument that the Malay language in the 16th and 17th century had undergone morphophonemic changes can be verified. The analysis applies the theory of generative phonology and ordered phonological rules. Findings reveal that the Malay language had experienced the process of morphophonemic change in the 16th and 17th century. As well, the findings show that there was a gradual decrease of words that retain or omit the initial phoneme when merging with the prefix meN- over the past centuries. Since this phenomenon is absent in present standard Malay, it helps to further strengthen Asmah's argument.

Keywords: *morphophonemic process, changes of Malay language, generative phonology theory, ordered phonological rules*

PENDAHULUAN

Menurut Abdullah (2005, hlm. 23), bahasa Melayu dikatakan terletak dalam kelompok keenam, iaitu bahasa Austronesia. Bahasa ini dikatakan tersebar dalam satu kawasan yang luas, iaitu dari Taiwan di utara membawa ke New Zealand di selatan dan dari Pulau Easter di timur hingga Madagaskar di barat. Bahasa Austronesia pula dibahagikan kepada empat kelompok, iaitu Nusantara, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Bahasa Melayu digolongkan dalam kelompok Nusantara, iaitu Nusantara Barat yang mencakupi bahasa Malagasi, Aceh, Melayu, Jawa, Sunda, Dayak, Tagalog, Sibu, Bisaya dan lain-lain. (Abdullah, 2005, hlm. 23)

Ismail Hussien (1948, hlm. 5) mengatakan bahawa bahasa Melayu hanyalah merupakan satu daripada lebih kurang 200 bahasa dalam Kepulauan Melayu. Oleh sebab bentuknya yang amat sederhana, maka bahasa Melayu mudah menerima unsur asing selain sifatnya yang mudah dilentur bagi memenuhi keperluan semasa. Oleh itu, jadilah bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang terpenting dalam sejarah bahasa di Kepulauan Melayu. Ahli bahasa membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada beberapa tahap, iaitu bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat proses morfonemik bahasa Melayu klasik dan moden dari abad ke-16 hingga abad ke-20. Terdapat contoh teks abad ke-16, abad ke-17 dan abad ke-18 yang menunjukkan penggunaan awalan *meN-* pada kata dasar serta proses pengguguran dan pengekalan konsonan bersuara menyimpang daripada morfonemik bahasa Melayu moden sekarang. Kajian ini ingin memastikan sama ada fenomena ini berlaku pada abad ke-16, 17 dan 18 sahaja atau berlaku juga pada abad yang lain. Kajian ini juga ingin melihat sejauh mana benarnya kenyataan Asmah (1991, hlm. 33) bahawa bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 mengalami perubahan dalam morfonemik. Kajian ini terbatas pada penggunaan imbuhan awalan *meN-* dalam teks pada abad ke-16, 17, 18, 19 dan abad ke-20 dalam laman web Malay Concordance Project, Australian National University. Teks yang dipilih adalah seperti yang berikut:

Jadual 1 Data kajian.

Bil.	Abad	Nama Teks
1	Abad ke-16	<i>Aqa'id Al-Nasafi</i> (MS~1590)
2	Abad ke-17	<i>Hikayat Muhammad Hanafiah</i> (MS~1682) <i>Hikayat Seri Rama</i> (MS~1633) <i>Hikayat Aceh</i> (MS~1675) <i>Hikayat Tanah Hitu</i> (MS~1662)
3	Abad ke-18	<i>Hikayat Inderaputra</i> (MS~1700) <i>Sharab al-Ashikin</i> (MS~1704) <i>Hikayat Nakhoda Muda</i> (MS~1791) <i>Taj al-Salatin</i> (ed. Khalid)((MS~175))
4	Abad ke-19	<i>Hikayat Raja Pasai</i> (MS~1815) <i>Hikayat Hang Tuah</i> (MS~1849) <i>Hikayat Ibrahim ibn Adham</i> (versi pendek)(MS~1817) <i>Sejarah Melayu SM</i> (MS~1808)
5	Abad ke-20	<i>Cerita Jenaka</i> (MS~1908) <i>Hikayat Seri Kelantan</i> (MS~1914) <i>Majalah Guru</i> (MS~1930) <i>Saudara</i> (MS~1930)

PROSES MORFOFONEMIK

Perkataan merupakan unsur yang penting dalam pembentukan ayat. Pemilihan perkataan yang salah memberikan kesan dalam maksud sesuatu ayat. Pembentukan perkataan mempunyai pelbagai proses. Salah satu proses pembentukan kata ialah proses morfonemik. Morfonemik yang juga disebut sebagai morfologiti ialah bidang kajian tentang proses perubahan bunyi yang ditimbulkan oleh pertemuan dua morfem atau lebih. Perubahan fonem tersebut terdiri daripada beberapa jenis, iaitu pemunculan fonem, pelepasan fonem, peluluhan fonem, perubahan fonem dan pergeseran fonem. Proses morfonemik ialah proses perubahan yang disyaratkan oleh jenis fonem atau morfem yang digabungkan (Hasan *et al.*, 2003, hlm. 31).

Menurut Kridalaksana (2001, hlm. 142), proses morfonemik sama dengan morfologiti yang dimaksudkan sebagai analisis dan klasifikasi yang wujud atau realisasi yang menggambarkan morfem. Menurut Tarigan pula (1985, hlm. 27-28), proses morfonemik terdiri daripada proses perubahan fonem, proses pengguguran fonem dan proses penambahan fonem. Sementara itu, Ramlan (2001, hlm. 83) mengatakan bahawa morfonemik terdiri daripada tiga proses, iaitu perubahan fonem, penambahan fonem, dan penghilangan fonem. Oleh itu, pengkaji telah membincangkan tiga zaman bahasa Melayu dan akan mengetengahkan perubahan perkataan daripada proses morfonemik.

Jenis Proses Morfonemik

Penerangan tentang tiga zaman yang berbeza tentang perkembangan bahasa Melayu dapat dilihat secara umum. Perkembangan bahasa Melayu mengakibatkan perubahan dari segi fonologi, morfologiti dan sintaksisnya. Oleh itu, kajian difokuskan terhadap proses pembentukan kata, iaitu proses morfonemik.

Samsuri (1987, hlm. 94) menyatakan morfonemik bermaksud perubahan fonem yang disebabkan oleh hubungan dua morfem atau lebih serta pemberian tanda-tandanya. Misalnya pemberian nasal adalah seperti yang berikut:

/m/ pada kata yang berawal /b/	contoh: meN- + baca
	= membaca

/n/ di depan fonem /d/	contoh : meN- + datang = mendatang
/ň/ di depan fonem /j/	contoh : meN- + jual = menjual
/ň/ di depan fonem /g/	contoh : meN- + gambar = mengambar
	(Samsuri, 1987, hlm. 94)

Morfonemik dapat dibahagikan kepada dua, iaitu:

- (a) Morfonemik kata.
- (b) Morfonemik frasa.

Dalam makalah ini, morfonemik kata sahaja akan dibincangkan. Contoh morfonemik kata adalah seperti yang berikut:

Imbuhan + kata dasar

meN + tari	=	menari
meN + tulis	=	menulis
meN + sayang	=	menyayang
meN + suci	=	menyuci

Yang berikut merupakan beberapa jenis perubahan fonem dan bentuk-bentuk morfonemik pada beberapa proses morfologi.

Jenis Perubahan Morfonemik

Dalam bahasa Melayu ada beberapa jenis perubahan fonem berikutkan proses morfologi ini. Menurut (Abdul Chaer, 2008, hlm. 194) sekurang-kurangnya terdapat lima proses morfonemik, iaitu:

(a) Pemunculan Fonem

Abdul Chaer (2008) menyatakan pada asalnya tidak wujud pemunculan dalam proses morfonemik. Contohnya dalam proses pengimbuhan prefiks *meN-* pada kata dasar “baca” akan memunculkan bunyi sengau [m] yang seterusnya tidak wujud seperti yang berikut:

meN + baca = membaca

(Abdul Chaer, 2008, hlm.43-45)

(b) Pelesapan Fonem

Pelesapan fonem juga wujud dalam proses morfofonemik. Abdul Chaer (2007) menerangkan bahawa dalam pengimbuhan prefiks *beR* pada kata dasar “renang”, bunyi [r] yang berada dalam prefiks *beR* dilesapkan seperti yang berikut:

beR + renang = berenang

(Abdul Chaer, 2008, hlm. 43-45)

(c) Peluluhan Fonem

Berdasarkan Abdul Chaer (2008), peluluhan sesuatu fonem dalam proses morfofonemik akan digantikan dengan fonem lain. Pengimbuhan awalan meN pada kata dasar “sikat” akan mengakibatkan peluluhan fonem /s/ pada kata dasar “sikat” dan digantikan dengan nasal /n/ seperti yang berikut:

meN + sikat = menjikat

(Abdul Chaer, 2008, hlm. 43-45)

(d) Perubahan Fonem

Perubahan fonem, Abdul Chaer (2008) menerangkan bahawa proses morfofonemik akan mengakibatkan perubahan fonem atau bunyi. Contohnya dalam perkataan “belajar”. Pengimbuhan awalan *beR* pada kata dasar “ajar” mengakibatkan perubahan bunyi. Fonem /r/ berubah menjadi fonem /l/ seperti yang berikut:

beR + ajar = belajar

(Abdul Chaer, 2008, hlm. 43-45)

(e) Pergeseran Fonem

Abdul Chaer (2008), menyatakan pergeseran fonem ialah perubahan posisi sesebuah fonem akibat proses morfofonemik. Pengimbuhan akhiran “i” pada kata dasar “lompat” mewujudkan pergeseran apabila fonem /t/ yang

berada pada suku kata “pat” akan berubah posisi dan berada pada suku kata “ti” seperti yang berikut:

$$\text{Lom} + \text{pat} + /i/ = \text{lom} + \text{pa} + \text{ti}$$

(Abdul Chaer, 2008, hlm. 43-45)

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kelima-lima proses pemunculan, pelesapan, peluluhan, perubahan dan pergeseran dalam proses morfofonemik mengakibatkan perubahan fonem dan bunyi sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu.

KAJIAN YANG BERKAITAN DENGAN MORFOFONEMIK

Yang berikut ialah penulisan yang berkaitan dengan proses morfofonemik. Morfofonemik merupakan fenomena yang tidak asing dalam bahasa Melayu. Banyak penulisan yang telah dihasilkan berkaitan dengan tajuk ini. Antaranya termasuklah Asmah dalam bukunya *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nasafi*. Beliau telah menghuraikan bentuk bahasa yang digunakan serta beberapa aspek linguistik seperti ejaan Jawi, sistem morfofonemik, morfologi, nahu dan perbendaharaan kata yang digunakan pada abad ke-16 dalam teks Melayu klasik *Aqa'id Al-Nasafi* yang dianggap sebagai manuskrip tertua yang ditemui setakat ini. Dalam penulisan beliau tentang morfofonemik dalam teks *Aqa'id Al-Nasafi*, beliau mengatakan morfofonemik yang melibatkan awalan *meN-* dan *peN-* ini memberikan gambaran yang baharu tentang proses pengimbuhan awalan tersebut. Selama ini, ciri penyengauan dianggap sebagai gejala yang berlaku serentak dengan pengimbuhan *meN-* dan *peN-*, sehingga ahli bahasa sekarang apabila menulis awalan tersebut memastikannya supaya disertai dengan lambang untuk bunyi sengau, iaitu *N*. Dengan itu *me-* dan *pe-* digambarkan sebagai *meN-* dan *peN-*. Dengan pendirian yang seperti ini, ahli bahasa sekarang menghukumkan bahawa penulisan *me-* dan *pe-* itu salah” (Asmah, 1991, hlm. 34).

Latifah (1990), membincarakan pembentukan kata bahasa Melayu yang menggunakan huruf p, t, k dan s sebagai huruf awal kata dasar yang akan mengalami peluluhan apabila digabungkan dengan imbuhan *meN-* dan *peN-*. Beliau membincangkan aspek ini berdasarkan pendapat beberapa ahli bahasa, iaitu Nik Safiah *et al.* (1989), Abdullah (1986) dan Farid (1986). Daripada panduan yang dikemukakan oleh empat orang ahli

bahasa tersebut dapat dibuat kesimpulan bahawa bukan semua, kata dasar yang bermula dengan huruf p, t, k, s mengalami peluluhan tetapi dalam keadaan yang tertentu akan mengekalkan huruf awalnya (Latifah, 1990, hlm. 370). Beliau memberikan contoh kata “mengaji” yang mengalami peluluhan dan “mengkaji” yang mengekalkan huruf awal kata dasarnya. Berdasarkan penelitian daripada contoh perkataan oleh empat ahli bahasa tadi, beliau membuat rumusan yang merupakan panduan bagi mengenal pasti sama ada perlu kekal atau gugur fonem konsonan pertama dalam kata yang bergabung dengan imbuhan *meN-* dan *peN-*. Antaranya Latifah (1990, hlm. 370) menjelaskan peluluhan hanya berlaku apabila kata dasar itu ialah kata Melayu asli ataupun kata pinjaman yang sudah terserap. Pengekalan pula berlaku dalam tiga keadaan. Pertama, kata pinjaman kecuali yang sudah terserap dan kata pinjaman yang mempunyai gugus konsonan. Kedua, kata terbitan yang sudah mendapat awalan lain. Ketiga, bentuk yang menyerupai imbuhan *teR-* dan *peR-* dan keempat, tiga suku kata atau lebih.

Menurut Raja Masittah Raja Ariffin (1999, hlm. 224-225), imbuhan *meN-* dan *peN-* yang bergabung dengan kata dasar akan menyebabkan pengguguran konsonan pada kata dasar. Konsonan yang digugurkan terdiri daripada konsonan tidak bersuara seperti “h” (hantar), “k” (kata) dan “t” (tinggal) dan konsonan yang bersuara seperti “s” (suruh), “d” dengan dan “b” (beri) . Keadaan ini menjelaskan bahawa imbuhan *meN-* yang bercantum dengan kata dasar yang berawalkan konsonan yang tidak bersuara akan menggugurkan konsonan tersebut, seperti pada konsonan geseran tidak bersuara “s” (suruh, sila, senggeraha dan salin) akan digugurkan apabila menerima imbuhan *meN-* dan menghasilkan “menyuruh”, “menyenggerahkan”, “menyilakan” dan “menyalin”. Begitu juga dengan bunyi geseran pada pita suara “h” bagi perkataan “hantar” akan menjadi “mengantar”. Beliau juga menekankan tentang wujudnya suatu fenomena apabila imbuhan awalan *meN-* bercantum dengan kata dasar yang berawalkan konsonan “b”, iaitu bunyi letupan pada dua bibir, konsonan “b” digugurkan dan menerbitkan “memeri”. Namun, beliau juga berpendapat bahawa ketidakselaras dalam pengguguran konsonan awal dalam kata dasar adalah nyata dan jelas (Raja Masittah, 1999, hlm. 244-245)

Abdul Jalil Anuar (1989) memberikan tumpuan pada proses morfonemik sahaja dalam kajiannya terhadap morfem dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*. Kajian tersebut terbatas pada tiga imbuhan awalan

sahaja, iaitu *peR-*, *beR-* dan *teR-*. Imbuhan dalam tersebut dihimpunkan kepada tiga kelompok seperti yang berikut:

- (a) Himpunan awalan *pel-* dan awalan *bel-*.
- (b) Himpunan awalan *pe-*, awalan *be-* dan awalan *te-*.
- (c) Himpunan awalan *per-*, awalan *ber-* dan awalan *ter-*.

Awalan *peR-* dan awalan *beR-* apabila diimbuhkan kepada kata akar masing-masing akan berubah bentuk menjadi *pel-* dan *bel*. Contohnya, imbuhan *peR-* dan *beR-* apabila bergabung dengan kata akar “ajar” akan menjadi “pelajar” dan “belajar”. Awalan *pe-*, *be-* dan *te-* terbentuk hasil gabungan imbuhan awalan *peR-*, *beR-* dan *teR-* dengan kata akar tertentu. Maksud kata akar tertentu itu ialah apabila awalan *peR-* diimbuhkan kepada kata akar yang didahului dengan konsonan p, d, k, l, m dan n. Gabungan awalan *peR-* dengan konsonan tersebut akan mengubah awalan *peR-* menjadi awalan *pe-*. Bentuk awalan *be-* pula terjadi apabila awalan *beR-* bergabung dengan kosa kata yang didahului dengan awalan *peR-*, dan juga kata akar yang didahului dengan konsonan r . Contohnya, “persembahkan” menjadi “*bepersembahkan*”, “*persilakan*” menjadi “*bepersilakan*” dan “berapa” menjadi “*beberapa*”. Awalan *te-* pula terbentuk apabila *teR-* bergabung dengan kata akar yang bermula dengan konsonan “r”, contohnya *teR-+rebak=terbak*, *teR-+rasa=terasa*. Bentuk morfonemik dalam bahasa Melayu klasik yang diwakili oleh teks *Hikayat Raja-raja Pasai* ini wujud dan kekal sehingga hari sekarang.

Seterusnya, kajian yang dibuat oleh oleh Monique Zaini-Lajoubert (1983). Mereka mengkaji tatabahasa Melayu abad ke-17 menggunakan empat naskhah bahasa Melayu klasik. Naskhah yang digunakan ialah *Hikayat Muhammad Hanafiyah*, *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Tanah Hitu* dan *Hikayat Inderaputra*. Keempat-empat naskhah ini mewakili abad ke-17. Dalam kajian ini mereka menjumpai bentuk pengimbuhan yang menyimpang daripada proses morfonemik masa kini. Contoh perkataan yang diberikan adalah seperti yang berikut: *menengar*, *memilang*, *memaca*, *memeri*, *memicara*, *memunuh*, *meminasakan* dan *memicarkan*. Mereka mendapati bentuk ini tidak terdapat pada naskhah yang lebih baharu kecuali *menengar* seperti yang telah dijelaskan oleh Ny. Achadiati (yang mentransliterasikan naskhah *Hikayat Seri Rama*) kepada mereka. Maksudnya sehingga abad ke-17 proses morfonemik bahasa Melayu belum mantap lagi.

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap proses morfofonemik bahasa Melayu di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa proses morfofonemik bahasa Melayu masih wujud, banyak kekecualian dan menjadi perbincangan ahli bahasa sehingga kini.

TEORI FONOLOGI GENERATIF DAN PENDEKATAN ATUR RUMUS

Dalam bahagian ini, penulis akan memperkenalkan kerangka teori fonologi generatif (seterusnya disebut sebagai FG) dan pendekatan atur rumus yang merupakan sebahagian daripada teori transformasi generatif. FG dipopularkan oleh Chomsky dan Halle melalui karya *the Sound Pattern of English* (SPE) pada tahun 1968 (Zaharani & Nor Hashimah, 1992).

Teori ini menganggap struktur bunyi sebagai satu sistem rumus yang mencerminkan kecekapan fonologi penutur natif yang ideal. Tujuan FG ialah menformalisasikan kecekapan fonologi intrinsik seseorang penutur sebagai satu sistem rumus yang bertanggungjawab melahirkan representasi fonetik daripada struktur permukaan sintaksis (Farid, 1998, hlm. 169). Teori FG dibahagikan kepada dua tahap representasi, iaitu:

Struktur Dalaman

Struktur dalaman ialah bentuk bunyi abstrak yang diandaikan, yakni bentuk yang wujud sebelum lahirnya struktur permukaan. Dengan adanya struktur dalaman ini barulah kita dapat melihat proses fonologi yang berlaku sebelum wujudnya struktur permukaan. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti nahu sesuatu bahasa. Segmen struktur dalaman direalisasikan dalam lambang garis miring // (Tajul Aripin, 2011, hlm. 23).

Struktur Permukaan

Struktur permukaan ialah bentuk bunyi bahasa yang disebut atau bunyi sebenar bahasa yang dituturkan oleh manusia. Bentuk segmen struktur permukaan ini direalisasikan dalam lambang kurungan sesiku [], iaitu kurungan fonetik (Tajul Aripin, 2011, hlm. 23).

Contoh penerbitan kata struktur dalaman dan struktur permukaan:

Penerbitan kata [nāŋā] dan [nāŋa]

Struktur dalaman /narja/ dan /nanga/

(i) Rumus nasalisasi vokal

$V \rightarrow V / K \underline{\quad}$ [nāŋā] dan [nāŋga]
[+nas] [+nas]

(ii) Rumus pengguguran /g/

{b, d, g} → Ø / {m, n, ɳ} ---- [nā,a]
Struktur permukaan [nāŋā] dan
[nāŋā]

(Tajul Aripin 2011, hlm. 24)

Peranan Rumus Fonologi

Rumus fonologi menukar bentuk dasar dalam representasi dalaman kepada bentuk fonetik dalam representasi permukaan. Rumus fonologi bukan sahaja dinyatakan dalam bentuk segmen, tetapi di formalisasikan dalam bentuk fitur distingtif. Semasa melakukan analisis, pengkaji akan merujuk fitur distingtif vokal bahasa Melayu standard dan fitur distingtif vokal, dan konsonan bahasa Melayu standard seperti Jadual 2(i).

Pengkaji juga akan merujuk sistem vokal dan konsonan bahasa Melayu berdasarkan cara sebutan dan daerah sebutan semasa membuat analisis data kata dasar pertama yang menerima imbuhan *meN-* dan *peN-*. Sistem konsonan bahasa Melayu berdasarkan Jadual 2(ii) dan sistem vokal bahasa Melayu berdasarkan Jadual 3.

Proses fonologi melibatkan penambahan rumus, pengguguran rumus, perbezaan rumus dan simplifikasi rumus. Analisis secara terperinci akan dibuat terhadap keempat-empat rumus fonologi dalam perbincangan seterusnya.

Konsep Atur Rumus

Proses fonologi dalam Jadual 5 boleh direpresentasikan secara transformasi generatif dengan menggunakan formulasi atur rumus seperti yang berikut (Tajul Aripin, 2010, hlm. 26):

A→B/C _____ D

Huraian struktur	CAD struktur fonemik / /input
	Perubahan struktur CBD struktur fonetik [] output

Rumus yang dinyatakan pada di atas ialah rumus bersifat notasi untuk menjelaskan proses fonologi yang berlaku dalam sesuatu bahasa.

A ialah input (struktur fonemik) dan B ialah output (struktur fonetik), manakala C sebagai segmen mengikuti dan D sebagai segmen mendahului.

CAD ialah struktur fonemik, iaitu huraian struktur dan CBD merupakan struktur fonetik, iaitu perubahan struktur. Perubahan di sini membawa maksud A berubah menjadi B dalam konteks CAD menjadi CBD.

Penganalisisan Data Imbuhan *meN-* dalam Teks Terplilih dari Abad ke-16 hingga Abad ke-21

Penerangan akan diberikan tentang perihal perkataan yang mengalami proses morfofonemik, iaitu sama ada pengguguran atau pengekalan pada posisi sempadan awal perkataan semasa menerima awalan *meN-* daripada teks terpilih abad ke-16 hingga ke-21. Seterusnya, proses morfofonemik perkataan tersebut berdasarkan teori fonologi generatif dan pendekatan atur rumus akan dipaparkan.

Perkataan yang mengalami pengguguran konsonan bersuara “b” di posisi awal sempadan perkataan selepas menerima imbuhan awalan *meN-* adalah dengan berdasarkan Lampiran 1 (hlm. 396-399).

Perkataan yang mengalami pengguguran konsonan bersuara [d] di awal sempadan selepas menerima imbuhan *meN-* adalah dengan berdasarkan contoh dalam Lampiran 2 (399-400).

Perkataan yang mengalami pengguguran konsonan geseran bersuara “h” di awal sempadan selepas menerima imbuhan *meN-* adalah dengan berdasarkan contoh dalam Lampiran 3 (400-401).

Perkataan yang mengalami pengguguran konsonan “y” tak bersuara di awal sempadan. selepas menerima imbuhan *meN-* adalah dengan berdasarkan contoh Lampiran 4 (hlm. 401).

Perkataan yang mengalami pengekalan konsonan “k” tak bersuara dan “s” di awal sempadan, selepas menerima imbuhan *meN-* adalah dengan berdasarkan contoh Lampiran 5 (hlm. 405).

Berdasarkan contoh dalam Lampiran 1, 2, 3, 4 dan 5, telah dipaparkan taburan perkataan yang mengalami proses morfofonemik pengguguran dan pengekalan mengikut konsonan “b”, “d”, “h”, “k” dan “s” daripada teks terpilih abad ke-16 hingga ke-20. Seterusnya, akan dipaparkan pecahan taburan perkataan yang disenaraikan mengikut teks dan abadnya supaya dapat dilihat dengan jelas proses morfofornemik berdasarkan abad.

Bilangan taburan pengguguran dan pengekalan konsonan “b”, “d”, “h”, “y”, “s” dan “k” dalam perkataan dapat digambarkan melalui pecahan peratus berdasarkan Rajah 1.

Dalam Jadual 6 dipaparkan contoh perkataan yang telah mengalami proses pengguguran dan pengekalan konsonan bersuara dan tidak bersuara serta contoh ayat penuh daripada teks terpilih.

Jadual 6 Taburan perkataan yang mengalami proses morfofemik mengikut abad dan teks.

Abad	Teks	Perkataan
16	<i>Aqā' id al-Nasafī</i>	Memeri Memeritahu Menengar Memicara Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/AN_words.html
17	<i>Hikayat Muhammad Hanafiah</i>	Memaca Memeri Memicara Memilang Meminas Memunuh Menengar mengimpun Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/MH_words.html

Samb. Jadual 6


Abad	Teks	Perkataan
17	<i>Hikayat Seri Rama</i>	Memeri Memicara Meminasa Memongkar Memuang Memunuh Menengar Mengantar mengimpun Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/Rama_words.html
17	<i>Hikayat Aceh</i>	Memaca Memenar Mementang Memer Memiasa Memicara Menengar Mengantar Mensifatkan Merintah Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/Aceh_words.html
17	<i>Hikayat Tanah Hitu</i>	Menengar Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/Hitu_words.html
18	<i>Hikayat Inderaputra</i>	Mengias Mengibur Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/Ind_words.html
18	<i>Sharāb al-`Āshikīn</i>	Memicara Memuang Memunuh Menengar Sumber: http://mcp.anu.edu.au/N/SA_words.html
18	<i>Hikayat Nakhoda Muda</i>	---TIADA PERKATAAN DIJUMPAI---

Samb. Jadual 6

Abad	Teks	Perkataan
18	<i>Taj al-Salatin</i>	menengar Sumber rujukan sesawang http://mcp.anu.edu.au/N/TS.K_words.html
18	<i>Hikayat Raja Pasai</i>	Menegar Mengimpun Mengisap Sumber rujukan sesawang http://mcp.anu.edu.au/N/Pasai_words.html
18	<i>Hikayat Hang Tuah</i>	Menegar Mengurnia Sumber rujukan sesawang http://mcp.anu.edu.au/N/Tuah_words.html
19	<i>Hikayat Ibrahim ibn Adham</i>	Menengar Sumber rujukan sesawang http://mcp.anu.edu.au/N/IbrA_words.html
19	<i>Sejarah Melayu</i>	---TIADA PERKATAAN DIJUMPAI---
19	<i>Cerita Jenaka</i>	---TIADA PERKATAAN DIJUMPAI---
20	<i>Hikayat Seri Kelantan</i>	---TIADA PERKATAAN DIJUMPAI---
20	<i>Majalah Guru</i>	---TIADA PERKATAAN DIJUMPAI---
20	<i>Saudara</i>	Mengkuatkan Mensihatkan Mensuburkan Sumber rujukan sesawang http://mcp.anu.edu.au/N/S_words.html

Seterusnya, perbincangan dibuat terhadap proses fonologi generatif dan pendekatan atur rumus berkaitan dengan pengguguran dan pengekalan konsonan bersuara “b”, “d”, “y”, dan konsonan tidak bersuara “h”, dan “s” selepas menerima imbuhan *meN*.

Semua perkataan yang disenaraikan di atas menjelaskan bahawa pengguguran dan pengekalan konsonan berlaku di posisi sempadan awal selepas menerima imbuhan *meN*. Taburan pengguguran dan pengekalan konsonan “b”, “d”, “h”, “y”, “s” dan “k” digambarkan dalam Rajah 1. Proses fonologi yang akan diterangkan ialah konsonan “b”, “d”, “k”, “s” dan “h” yang berada dalam kelas alamiah yang sama, iaitu [-nasal].



Rajah 1 Bilangan taburan pengguguran dan pengekalan konsonan “b”, “d”, “h”, “y”, “s” dan “k” dalam perkataan.

Senarai Proses Pengimbuhan Awalan

Kata dasar	Pengimbuhan
/beri/	məŋ + beri
/bicara/	məŋ + bicara
/dengar/	məŋ + dengar
/hantar/	məŋ + hantar
/kuat/	məŋ + kuat
/sihat/	məŋ + sihat
/sifat/	məŋ + sifat

Proses Pendepan nasal

Rumus pendepan nasal

ŋ → m/V _____ //

[+ bel]

ŋ → n/V _____ //

[- bel]

Kata Dasar	Pengimbuhan	Pendepan Nasal
/bəri/	məŋ + beri	→ məmberi
/bicara/	məŋ + bicara	→ məmbicara
/dengar/	məŋ + dengar	→ məndengar

Pendepan Nasal	Proses Pengguguran ("b", "d" "h")
məmberi	→ məmeri
məmbicara	→ məmicara
məndengar	→ mənejar

Proses Pendepan nasal

Rumus pendepan nasal

ŋ → Ø / _____ #

ŋ → Ø / _____ #

Pendepanan Nasal	Proses Pengguguran (n, ŋ)
mənihat	→ mensihat
mənifat	→ mensifat
məŋkuat	→ mengkuat

Huraian di atas menerangkan secara ringkas proses fonologi generatif dan pendekatan atur rumus. Seterusnya pengkaji akan menerangkan secara terperinci proses yang dihuraikan di atas adalah seperti yang berikut:

Kata dasar

/bəri/

pengimbuhan

məⁿ + beri

Kata dasar /bəri/ menerima pengimbuhan awalan meN- dan membentuk perkataan /məŋberi/, seterusnya akan melalui proses asimilasi pendepanan nasal.

Rumus pendepanan nasal

$$\text{ŋ} \longrightarrow \text{m/V } \underline{\quad} \text{ //} \\ [+bel]$$

$$\text{məŋ} \longrightarrow \text{mem/V } \underline{\quad} \text{ K}$$

Selepas menerima imbuhan *meng* pendepanan nasal berlaku, dan *meng* bertukar menjadi *mem* untuk membentuk perkataan /memberi/. Diikuti dengan proses pengguguran konsonan bersuara “b” di sempadan awal perkataan seperti yang berikut:

Rumus Pengguguran Konsonan Bersuara

$$\begin{aligned} \text{K} &\longrightarrow \emptyset [-\text{nas}] \underline{\quad} \\ \emptyset &\longrightarrow \text{b/məmberi} \\ \text{b} &\longrightarrow \emptyset /məmeri \end{aligned}$$

Pengguguran konsonan bersuara “b” yang berlaku di sempadan awal perkataan dan membentuk perkataan /məmeri/, dan dalam bahasa Melayu standard perkataan ini ialah /məberi/. Proses pengguguran inilah yang telah berlaku dalam kebanyakan perkataan yang disenaraikan di atas.

Oleh sebab kesemua perkataan yang disenaraikan mengalami pengguguran di sempadan awal perkataan, penulis tidak menghuraikan proses morfofonemik melalui fonologi generatif dan pendekatan atur rumus bagi setiap perkataan tetapi hanya satu contoh huraian bagi mewakili setiap perkataan yang lain.

KESIMPULAN

Sejarah perkembangan bahasa Melayu dapat diperhatikan menerusi teks bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu Moden. Makalah ini diharapkan dapat memperlihatkan beberapa perbezaan antara bahasa Melayu klasik dengan bahasa Melayu moden terutamanya perbezaan dari segi penggunaan perkataan yang berimbuhan awalan meN- dan peR-. Hasil penulisan ini diharapkan dapat memberikan penerangan yang jelas tentang evolusi morfofonemik bahasa Melayu dari abad ke-16 hingga abad ke-20 dalam penggunaan imbuhan awalan meN- dan peN-.

Penulisan dalam makalah ini memfokuskan proses morfofonemik perkataan berimbuhan awalan peN- dan meN- dalam teks terpilih dari abad ke-16 hingga abad ke-20 berdasarkan lapan proses morfofonemik yang telah dibincangkan di atas. Selain itu, teori atur rumus telah digunakan untuk menjelaskan proses morfofonemik pengimbuhan awalan meN- dan peN- pada konsonan pertama kata dasar yang dikutip daripada teks bahasa Melayu klasik dan moden dari abad ke-16 hingga abad ke-20.

Penjelasan juga telah diberikan terhadap ciri-ciri yang wujud akibat proses imbuhan awalan meN- dan peN- pada konsonan pertama kata dasar berdasarkan perkataan yang dikumpulkan daripada teks yang pilih melalui laman web Malay Concordance Project.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mengalami perubahan dalam morfofonemiknya pada abad ke-16 dan ke-17. Analisis data menunjukkan perkataan yang menggugurkan atau mengekalkan fonem awal apabila bertembung dengan imbuhan meN- dijumpai dalam teks terpilih dari abad ke-16 hingga abad ke-20 dan semakin berkurangan mengikut perubahan abad serta tidak ditemui fenomena tersebut dalam bahasa Melayu standard sekarang ini yang mengukuhkan kenyataan Asmah (1991, hlm. 33).

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1986). *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: PTS PROFESIONAL.
- Abdul Chaer. (2008). *Morfologi bahasa Indonesia: Pendekatan proses*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Jalil Haji Anuar. "Kajian Morfem dalam Hikayat Raja-raja Pasai" *Dewan Bahasa Mei* 1989 (362-378).
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu analisis berdasarkan teks Melayu: Aqa'id Al-Nasafi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Farid M. Onn (1988). *Bunga rampai fonologi bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hasan Alwi, H., Dardjowdjojo, S., Lapolika, H. dan Moeliono, Anton M. (2003). *Tatabahasa baku bahasa Indonesia* (Edisi Ketiga). Jakarta: Balai Pustaka.
- <http://mcp.anu.edu.au>
- Ismail Hussein. (1966). *Sejarah pertumbuhan Bahasa Kebangsaan kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana, Harimurti. (2001). *Kamus linguistik*. PT Gramedia Pustaka Utama: Jakarta.
- Latifah Othman. (1990). Morfonem bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 368-374.
- Monique Zaini dan Lajoubert. (1983). Rencana penyusunan tatabahasa Melayu abad ke-17 atas dasar naskhah kesusastraan. *Jurnal Persatuan Linguistik* 1(1), 7-13.
- Nik Safiah Karim, Faris M Onn, Hashim Hj. Musa, Abdul Hamid Mahmood. (1989). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (Jun 2001). Bahasa Melayu dalam warkah Melayu terpilih. *Jurnal Bahasa*, 213-227.
- Ramlan, M. (2001). *Morfologi: Suatu tinjauan deskriptif*. Yogyakarta: CV. Karyono.
- Samhuri. (1987). *Ilmu bahasa Indonesia: Sintaksis*. Yogyakarta: Karyono.
- Tajul Aripin Kassim. (2011). *Model Pengajaran HMT-501, Fonetik dan Fonologi bahasa Melayu Lanjutan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian USM: Pulau Pinang.

SYED ZAINAL ARIFF DAN ANNAPURANI

Tajul Aripin Kassim. (2010). *Model Pengajaran HMT-221, Fonetik dan Fonologi bahasa Melayu*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian USM: Pulau Pinang.

Tarigan H.G. (1985). *Psikolinguistik*. Bandung: Angkasa.

Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (Terjemahan). (1992). *Fonologi generatif*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Tarikh Peroleh: 1 November 2016

Tarikh Terima: 30 Mac 2017

LAMPIRAN

Lampiran 1 Contoh Perkataan dan Ayat yang Mengalami Pengguguran Konsonan Bersuara [b] di Awal Sempadan selepas Menerima Imbuhan Awalan meN-

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Aceh</i> 122:1	Memeri	... dan kecapi, dan beberapa daripada orang bertandak dan mengigal dan menghiasi segala pedikiran akan menari. Maka Syah 'Alam dan Dipertuan pun terlalu sukacita. Maka Syah 'Alam memeri karunia inangda akan menyusui baginda itu dan beberapa orang daripada nénénda dan embuwai tuan dan kakanda itu di [pi] lihkan Syah ['Alam] daripada segala anak laki-laki dan .
<i>Hikayat Aceh</i> 122:1	Memeri	... dan kecapi, dan beberapa daripada orang bertandak dan mengigal dan menghiasi segala pedikiran akan menari. Maka Syah 'Alam dan Dipertuan pun terlalu sukacita. Maka Syah 'Alam memeri karunia inangda akan menyusui baginda itu dan beberapa orang daripada nénénda dan embuwai tuan dan kakanda itu di [pi] lihkan Syah ['Alam] daripada segala anak laki-laki dan .
<i>Hikayat Aceh</i> 164:11	Memeri	seperti 'adat semayam pada ketika menyuruh sambut surat daripada raja-raja negeri* asing itu. Maka surat itu pun memeri titah Syah 'Alam sambut [dengan] hormatnya. Maka memeri titah Syah 'Alam kepada Syaikh al-Islam menyuruh memaca surat itu. Maka tatkala terdengar perkataan dalam surat itu, maka Syah 'Alam pun sukacita, maka antusan itu pun ...

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Aceh</i> 194:5	Memaca serta dengan khidmatnya lalu menyembah. Maka sabda Syah`Alam kepada Fakih Raja Indera Purba: “Hai Fakih ajar oleh kita cucu hamba mengaji. Apabila tahu ia memaca surat dan memaca segala kitab niscaya hamba jadikan kita [a]kan kadi.” Maka fakih pun menyembah. Maka sembah fakih: “Daulat dirgahayu Syah `Alam, insya Allah ta’ala dengan berkat mu jjizat ...”
<i>Hikayat Aceh</i> 31:6	Memicara	banyak mengiringkan dia. Setelah berapa lamanya dalam demikian itu maka kedengaran warta yang demikian itu kepada sultan `Ala ad-Din yang di Samutera. Maka ia terlalu amarah dan memicara dalam hatinya: “Apa kutaha bicaraku ini?” Setelah itu maka ia memanggil hulubalang Samutera maka ia memeri titah kepada segala hulubalangnya: “Hai segala kamu hulubalang,
<i>Hikayat Aceh</i> 241:1	Menenarkan	... Makadiceriterakanyalah kepadanya perinya ditanyai orang Medinah menyatakan ceritera Acéh dan menyatakan ceritera seri sultan Johan `Alam dan peri kata basyah Yaman menenarkan ceriteranya itu, maka akan kata basyah Yaman: “Bahwa kami sekalian di negeri Istambul menengar warta ini daripada ceritera dua orang celebi yang datang dari Acéh itu.”

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Muhammad Hanafiah</i> 1/8:11	Memilang	<p>bercinta! Bawa kemudian daripadaku enam bulan jua engkau bercerai dengan daku, datanglah engkau mendapati daku!” Adapun sudah rasul Allah wafat, pada hari itu sedekala Fatimah memilang hari dan bulan. Maka Fatimah bermimpi, pada waktu datanglah enam bulan dikira-kirai oleh Fatimah datanglah perjanjian Fatimah dengan rasul Allah, maka dimimpikan Fatimah ...</p>
<i>Hikayat Seri Rama</i> 317:6	Memunuh	<p>pada suatu sastra dan nujum daripada dahulu kala yang negeri Langkapuri ini kera kecil juga akan meminasakan dia.” Maka titah maharaja Rawana, “Hai saudaraku apa daya kita akan memunuh kera kecil ini karena segala senjata suatu pun tiada dapat membunuh dia.” Maka Hanuman menyahut, “Ya tuhanku syah alam, jika yang dipertuan hendak membunuh patik dan hendak</p>
<i>Hikayat Seri Rama</i> 236:9	Meminasakan	<p>raja namanya yang teraniaya dan menganiaya) itulah raja namanya. Ini tuan hamba raja besar meminasakan nama raja karena raja jikalau tiada dengan ra’yatnya bukan raja namanya.”</p>

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Seri Rama</i> 389:7	Memongkar	Menengar kata Catayu demikian maka Maharaja Rawana dan Catayu pun peranglah. Maka Catayu pun berbunyi, pelbagai bunyinya, ada seperti guruh, ada sepergi halilintar, . memercik lalu ke udara. Maka dipersembahkannya Anila Angada kepada Sri Rama. Maka Sri Rama pun segera datang melihat orang menambak laut itu. Maka dititahkan Sri Rama Hanuman memongkar bukit yang besar-besar itu. Maka disambut oleh Sri Rama sendiri, maka ditumbangkan Sri Rama ke dalam laut itu, makin ditambah makin dalam. Maka Sri Rama pun amarah, maka .
<i>Hikayat Seri Rama</i> 205:8	Memuang	Pada bicara sinda tiada mau sinda bertuan lain daripada yang dipertuan.” Maka Sri Rama pun berjalanlah dengan Laksmana membawa Sita Dewi diiringkan oleh segala hamba sahayanya memuang dirinya daripada suatu rimba kepada suatu rimba daripada suatu padang kepada suatu padang Dengan takdir Allah ta’ala maka Sri Rama pun bertemu dengan suatu hutan itu ...

Lampiran 2 Perkataan yang mengalami pengguguran konsonan bersuara [d] di awal sempadan selepas menerima imbuhan meN- adalah berdasarkan contoh di bawah:

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Aceh</i> 252:9	Menengar	menengar sembah Raja Setia Wangsa demikian itu maka raja Johor itu pun memeri persalinan akan Raja (Johor itu pun) Setia Wangsa dan menyuruhkan lepaskan rantai Rahasia Raja

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Tanah Hitu</i> 86,XXVI	Menengar	mengaku hadapan ke pantai Hitu dan menyuruh berparang serta Wolanda, karena ia mengaku di laut atau di darat atas kepada orang itu dengan Hehalesi. Sebab itulah Kapitan Hitu menengar fitnah daripada orang itu, maka ia berparang dengan Wolanda. Maka kuceriterakan pada tatkala itu ada dua orang Kastila lari daripada orang Wolanda datang ke negeri Wawani,
<i>Hikayat Seri Rama</i> 205:8	Memuang	Pada bicara sinda tiada mau sinda bertuan lain daripada yang dipertuan.” Maka Sri Rama pun berjalanlah dengan Laksmana membawa Sita Dewi diiringkan oleh segala hamba sahayanya memuang dirinya daripada suatu rimba kepada suatu rimba daripada suatu padang kepada suatu padang Dengan takdir Allah ta’ala maka Sri Rama pun bertemu dengan suatu hutan itu ...

Lampiran 3 Perkataan-perkataan yang mengalami pengguguran konsonan geseran bersuara “h” di awal sempadan selepas menerima imbuhan meN- adalah berdasarkan contoh berikut:

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Aceh</i> 6.9	menganarkan	Aceh 6:9 .. maka pada suatu ketika pada malam Jum`at bermain raja itu hampir kolam itu. Maka dilihat raja itu anak baludari tu[ru]n hendak mandi di kolam itu. Maka masing-masing meréka itu manganarkan baju kancukinya seorang suatu tempat di bawah pohon kayu yang di tebing kolam itu. Maka segala anak baludari itu turun mandi ke kolam ketujuh-tujuhnya.

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Hikayat Inderaputra</i> 202.13	Mengias	Bispa mendengar sembah orang itu maka baginda pun terlalu sukacita lalu berangkat kembali ke istana menyuruh mengimpunkan segala raja-raja dan menteri hulubalang, dan menyuruh mengias istana dan balai pengadapan, dan menyuruh membaiki segala jalan dan lorong. Maka dihampari oranglah jalan Indraputra itu dengan permadani dan sahlat.
<i>Hikayat Inderaputra</i> 123:52	Mengibur	Bercumbu gerangan tuan.” Maka tuan putri pun tersenyum seraya berpantun demikian, “Sarung keris batang cendana , sibir kaca dalam serahi ; datanglah arif bijaksana , datang mengibur rasa berahi.” Maka Indraputra pun tersenyum seraya berpantun demikian, ...
<i>Hikayat Raja Pasai</i> 136:9	Mengimpun	pendekar Pulau Kukur [dan] Kampung Bangka dan pahlawan Kampung Langgar dan pendekar Kampung Cina dan Si Ali Kecil Pahat Putar dan Malik Akasan, dan Tun Rawana Pematang, serta mengimpunkan segala gajah dan kuda dan segala rakyat yang tiada tepermanai. Maka pada dinihari berbunyilah genderang perang daripada kedua pihak lasykar itu, masing-masing ...

Lampiran 4 Perkataan berikut mengalami pengguguran konsonan “y” tak bersuara di awal sempadan. selepas menerima imbuhan meN- adalah berdasarkan contoh berikut::

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
Hikayat Muhammad Hanafiah 1/20:7	Menahut	“Hendaklah kiranya akan anakku Yazid kamu memerikan isteri yang baik rupanya dengan bangsanya dan budinya!”Maka menahut menteri yang bernama Marwan Hakim: “Ada seorang perempuan, anak Ja`far Tayyar, ...

Lampiran 5 Perkataan yang berikut mengalami pengekalan konsonan “k” tak bersuara dan “s” di awal sempadan. selepas menerima imbuhan meN- adalah berdasarkan contoh berikut:

Nama Teks	Perkataan	Contoh Ayat
<i>Saudara</i> 24 Mar 37:9	 daripada perintahannya: Sekarang manakala telah kita nampak akan kesan2 yang baik daripada tapak madrasah Al-Aziziyah di kota Kuala Muda eloklah disegerakan ikhtiar bagi mengkuatkan perdiriannya yang boleh berkekalan selama-lamanya. Mudah-mudahan! §
<i>Saudara</i> 19 Jan 37:9		S 19Jan37:9 tuan2 punya kebun getah maka bagi pegawai2 yang tersebut itu terafdalah melebihkan usaha tenaga masing2 di masa kemewahan ini daripada di masa meleset dahulu itu pada mengajar mensihat dan memimpin anak2 kaum kita kepada jalan keselamatan dan kesentosaan hidup yang dikehendaki dan inilah masanya yang sangat2 dikehendaki syarahan dan ajaran atas amalan ..
<i>Hikayat Aceh</i> 236:1	mensifatkan	§ ... tahu mensifatkan dia dan ada dalam negeri itu sebuah mesjid terlalu besar dan terlalu tinggi kemuncaknya daripada pérap yang berapit dengan cermin balur. Maka ada segala orang yang ...